

13/12/1997

Laba 6 bulan bantu agihan dividen ASB

Mutazar Abd Ghani; Radzi Wahab

KEUPAYAAN meraih keuntungan modal menggalakkan pada tempoh enam bulan pertama tahun ini membolehkan Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengekalkan pengagihan dividen dan bonus yang baik untuk pelaburan skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) sepanjang tahun ini.

Meskipun dividen dan bonus tahun ini yang berjumlah 11.5 peratus, berkurangan 1.75 peratus berbanding 13.25 peratus pada 1996, ia masih dianggap menggalakkan berikutan berlaku kejatuhan besar di pasaran saham tempatan sejak Julai lalu.

Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata skim ASB bernasib baik kerana sempat mencatatkan keuntungan modal, yang menyumbang lebih 63 peratus terhadap pendapatannya dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

"Keuntungan modal dicatatkan dalam tempoh berkenaan membolehkan ASB membayar dividen dan bonus yang masih baik tahun ini," katanya pada sidang akhbar selepas mengumumkan dividen dan bonus ASB bagi pihak Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau turut mengaitkan keupayaan memperolehi keuntungan modal yang baik itu dengan kecekapan pengurusan skim ASB yang mengamalkan pendekatan berhemat dan mematuhi garis panduan pelaburan yang ketat.

Mengenai unjuran prestasi dividen dan bonus untuk skim ASB pada tahun depan, Ahmad Sarji yang tidak memberi sebarang petunjuk dari segi peratusan berkata, ia banyak bergantung kepada prestasi pasaran saham tempatan dan ekonomi negara.

Katanya, ini disebabkan pendapatan skim ASB banyak bergantung kepada keuntungan modal daripada saham yang dilaburkan di dalam syarikat tertentu di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Ditanya strategi pelaburan yang akan digunakan oleh PNB dalam menghadapi suasana muram saham tempatan sekarang, beliau menjelaskan pihaknya akan terus melaksanakan pendekatan pelaburan berhemat dengan memilih saham syarikat yang mempunyai asas kukuh, termasuk mampu menghasilkan prestasi dan dividen kukuh.

"Kami akan mengambil kesempatan untuk membeli saham syarikat tertentu yang harganya sudah jatuh. Kami mempunyai strategi tertentu dalam membuat pilihan saham yang bakal dibeli.

"Pembelian yang dibuat adalah juga bermatlamat untuk menyokong pasaran, tetapi kami tidak bertindak seperti spekulator," katanya.

Ahmad Sarji berkata, di sebalik kejatuhan pasaran saham tempatan ketika ini, skim ASB dan Amanah Saham Nasional (ASN) menunjukkan peningkatan menggalakkan sejak beberapa bulan lalu.

Menurutnya, ini secara langsung menunjukkan keyakinan pelabur terhadap saham amanah seperti ASB dan ASN.

(END)